

'Bina masjid bukan bagi tujuan tunjuk kehebatan'

Bukit Mertajam: Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pembinaan sesebuah masjid perlu berlandaskan niat serta penghayatan Islam yang betul, bukannya bagi tujuan menunjuk kehebatan dan kemegahan.

Perdana Menteri berkata, tanpa penghayatan yang baik manusia akan lupa tanggungjawab, memecahbelahkan hubungan selain sanggup menggunakan kedudukan bagi mengaut keuntungan demi kehidupan mewah.

"Ingat ada masjid ditegur da-

lam al-Quran dengan membuat perbandingan antara (pembinaan) masjid. Ia (pembinaan masjid) bukan untuk menunjuk-nunjuk akan kehebatan dan kemegahan, tetapi masjid diasaskan (dibina) atas ketakwaan.

"Tapi kalau niatnya tidak betul, perjalanannya tidak membawa kepada penghayatan Islam, kefahaman yang baik, perpaduan dalam masyarakat, keprihatinan terhadap nasib kariah keseluruhannya, maka masjid itu jadi tempat kerosakan," katanya ke-

tika berucap pada Majlis Peluncuran Pembinaan Semula Masjid CheroK Tok Kun Bawah, di sini semalam.

Pembinaan semula masjid berusia 30 tahun di kampung halaman Perdana Menteri itu dijangka siap pada Februari 2027 dengan kos RM15 juta.

Dalam pada itu, Anwar turut meminta umat Islam terus menunjukkan contoh dan teladan yang baik tanpa melakukan penghinaan terhadap kaum lain.

Perdana Menteri berkata, an-

tara tempat yang boleh dijadikan contoh adalah institusi masjid yang dibina dengan penuh ketakwaan kepada Allah serta nilai murni yang membawa kepada kesejahteraan masyarakat.

"Islam ini hebat kerana contoh kita, Islam hebat bukan kerana kita maki orang dan Islam hebat bukan kerana kita hina kaum lain.

"Tetapi, Islam itu hebat kerana

dia tengok contoh kita itu baik, masjid kita paling bersih, masjid kita indah, kariah kita paling baik peribadinya, anak kita itu cukup terlatih dan disiplin.

"Oleh kerana itu, yang akan menyebabkan orang hormat kita dan bukan kerana angkuh, bukan kerana bengis kita atau bukan kerana kita memilih untuk menghina yang lain," katanya.



Anwar melihat pelan pembinaan semula masjid selepas Majlis Peluncuran Pembinaan Semula Masjid CheroK Tok Kun Bawah, Bukit Mertajam, semalam. (Foto Danial Saad/BH)